

# PRODUCT DISCLOSURE SHEET



AmBank Islamic

## Dear Valued Customer,

This Product Disclosure Sheet ("PDS") provides you with key information on your Mudarabah Term Investment Account-i ("MTIA-i").

Date: \_\_\_\_\_

## 1 What is Mudarabah Term Investment Account-i?

This is an unrestricted investment account ("UA") where placement of monies is mandated by you, the Investment Account Holder ("IAH"). The fund is to be maintained with AmBank Islamic ("the Bank"), where the Bank utilises the fund in the MTIA-i for its Shariah-compliant financing and investment activities. Returns of this product is based on the agreed Profit-Sharing Ratio ("PSR") and dependent on the performance of the underlying asset.

MTIA-i presents an opportunity for the IAH to participate in income generation activities by the Bank. MTIA-i fund will be invested in stable retail and non-retail financing assets. The Bank shall manage the investment return in a manner that is consistent with IAH investment objective and the related governing rules and regulations.

The Shariah contract applicable is *Mudarabah* (profit sharing). *Mudarabah* is a contract between a *Rabbul Mal* (Capital Provider/ you) and a *Mudarib* (Entrepreneur/ Bank). You provide the capital to be managed by the Bank. Any profit generated is shared between you and the Bank according to a mutually agreed PSR. Any financial losses are borne by you unless due to the Bank's misconduct (*ta`addi*), negligence (*taqsir*) and/or breach of specified terms (*mukhalafah al-shurut*).

## 2 Know Your Obligations

### Illustration (profitable scenario)

- Date of Placement: 1 June 2024
- Date of Maturity: 1 July 2024
- Investment amount: RM100,000.00
- Investment tenure: 1 month
- Profit Sharing Ratio (PSR): 80: 20 (Based on pre-agreed PSR before or at the point of investing)
- Gross Rate: 5.00% at maturity
- Profit calculation payable to IAH: Gross Rate x PSR x Investment amount x tenure  
 $5.00\% \times 80\% \times \text{RM}100,000.00 \times 30/365 = \text{RM}328.77$
- Upon maturity, the IAH will receive:  
 $\text{RM}100,000.00 + \text{RM}328.77 = \text{RM}100,328.77$

### Illustration (loss scenario)

- Date of Placement: 1 June 2024
- Date of Maturity: 1 July 2024
- Investment amount: RM100,000.00
- Investment tenure: 1 month
- Profit Sharing Ratio (PSR): 80: 20 (Based on pre-agreed PSR before or at the point of investing)
- Gross Rate: -0.41% at maturity
- Loss attributable to IAH: 100%
- Calculation: Loss attributable to IAH x Gross Rate x Investment amount x tenure  
 $100\% \times -0.41\% \times \text{RM}100,000.00 \times 30/365 = \text{RM}-33.70$
- Upon maturity IAH will receive:  $\text{RM}100,000.00 - \text{RM}33.70 = \text{RM}99,966.30$

### Fees and charges:

No fees and charges are applicable for this product

### It is your responsibility to:



Read and understand the key terms in the contract before you sign it.

## 3 Possible Outcomes

Historical past performance:

Financial Year-End	Return on Asset* (ROA)	Return on Investment* (ROI)
31 March 2020	4.58%	2.94%
31 March 2021	4.00%	2.00%
31 March 2022	4.00%	2.00%
31 March 2023	4.71%	2.40%
31 March 2024	5.00%	2.54%

\*for 6-month tenure

## 4

## Know Your Risks

RISKS	OPERATIONAL FEATURES
<ul style="list-style-type: none"> <li>• <b>Market Risk</b> Possibility for you to experience losses that affect overall financial markets performance which may indirectly impact the underlying assets. The Bank will monitor and manage market risk exposure using existing risk management system. This enables the Bank to manage the fund's position effectively within the approved risk framework imposed.</li> <li>• <b>Risk of Capital Loss</b> The product carries the risk of reduction in the value of the original investment. In mitigating the risk, the Bank will invest the funds in a diversified retail and non-retail financing portfolio. Furthermore, the Bank's existing collection and recovery procedures helps to keep the asset quality at a healthy level.</li> <li>• <b>Liquidity Risk</b> Liquidity risk is the risk that the Bank may be unable to meet short term withdrawal demands from you. The Bank will continue conduct analysis based on UA pool consisting of deposits and a small portion of <i>Mudarabah</i> funds. Based on the historical trend of withdrawal activities, the Bank will formulate stress test and establish mitigating measures to manage liquidity risk. The cash flow mismatches by maturity bucket will be analysed and monitored under the liquidity framework as prescribed by BNM.</li> <li>• <b>Credit Risk</b> Credit risk arises when a substantial amount of assets from the fund goes into default. The Bank will closely monitor performance of selected assets and ensure investment is aligned with the fund's strategies and objectives.</li> <li>• <b>Investment Concentration Risk</b> Portfolio of the underlying asset are being diversified based on the type of retail or non-retail financing asset.</li> </ul> <p><b>Reminder:</b> You should understand and consider all risk factors carefully before making an investment decision.</p>	<p>Placement: You will be able to place anytime via over the counter at all branches with the option to renew the placement.</p> <p>Asset Allocation: MTIA-i placements shall be managed in a separate fund and allocated to the dedicated assets as agreed between you and the Bank. Return will be calculated from the financing profit less provision of the selected underlying assets funded by MTIA-i</p> <p>Opening of Account: Over the counter at any of the Bank branches.</p> <p>Withdrawal: You will be able to withdraw anytime subject to the following terms.</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Early withdrawal is allowed either partial or in full.</li> <li>• For withdrawals within 7 calendar days of the investment tenure, you shall agree to waive the right to receive all the attributed profit (if any). For withdrawals after 7 calendar days of the investment tenure and before the maturity date, you shall receive 50% of the attributed profit (if any).</li> <li>• The Bank may, at its discretion, vary the terms of the waiver of attributed profit from time to time.</li> <li>• You are allowed to conduct partial withdrawal of your placement amount.</li> <li>• The undrawn portion of the placement will continue as it is, whilst the withdrawn portion will be subjected to the above for early withdrawal.</li> </ul> <p><b>Reminder:</b> Past performance is not an indicative of future performance.</p>

## 5

## Other Key Terms

Our valuation methodology is in accordance with sound industry practice and consistent with the Malaysian Financial Reporting Standards ("MFRS"). The Bank will be monitoring the asset performance on monthly basis. The net returns/losses on the MTIA-i will be displayed at our branches and published on our website at [www.ambankislamic.com](http://www.ambankislamic.com) after 16<sup>th</sup> of every month. In the event of any impairment assessment on illiquid Investment Asset, such assessment shall reflect its current valuation. Adequate mechanism will be put in place by the Bank to ensure timely and fair recognition and measurement of impairment loss during the period in which it arises.

If you have any questions or require assistance on our MTIA-i you can:



Call us at

+603 2178 8888

(AmBank Contact Center 7.00am - 11.00pm))



Visit us at

[www.ambankgroup.com](http://www.ambankgroup.com)



Email us at

[customercare@ambankgroup.com](mailto:customercare@ambankgroup.com)



Scan the R  
code above

## WARNING

**THE RETURNS ON THIS INVESTMENT ACCOUNT WILL BE AFFECTED BY THE PERFORMANCE OF THE UNDERLYING ASSETS. THE PRINCIPAL AND RETURNS ARE NOT GUARANTEED AND CUSTOMER RISKS EARNING NO RETURNS AT ALL. IF THE INVESTMENT IS REDEEMED EARLY, CUSTOMER MAY SUFFER LOSSES IN PART OR THE ENTIRE PRINCIPAL SUM INVESTED. THIS INVESTMENT ACCOUNT IS NOT PROTECTED BY PERBADANAN INSURANS DEPOSIT MALAYSIA (PIDM).**

# LEMBARAN PENDEDAHAN PRODUK



## Pelanggan yang Dihargai,

Lembaran Pendedahan Produk (“PDS”) ini menyediakan maklumat penting mengenai Akaun Pelaburan Bertempoh Mudarabah-i (“MTIA-i”) anda.

Tarikh:

1

## Apa itu Akaun Pelaburan Bertempoh Mudarabah-i?

Ini adalah akaun pelaburan bebas (“UA”) dimana penempatan wang adalah yang diamanatkan oleh anda, Pemegang Akaun Pelaburan (“IAH”). Dana itu akan dikekalkan oleh AmBank Islamik (“Bank”), dimana Bank menggunakan dana MTIA-i itu untuk pembiayaan dan aktiviti pelaburan patuh Syariah. Pulangan bergantung pada Nisbah Perkongsian Keuntungan (“PSR”) yang dipersetujui dan berdasarkan daripada prestasi asset asas.

MTIA-i memberi peluang kepada (“IAH”) untuk menyertai didalam aktiviti yang menjana pendapatan oleh Bank. Dana MTIA-i akan dilabur dalam aset pembiayaan runcit dan bukan runcit yang stabil. Bank hendaklah menguruskan pulangan pelaburan didalam cara yang konsisten dengan objektif pelaburan IAH dan mengikut peraturan dan undang-undang yang berkaitan.

Konsep Syariah yang digunakan adalah konsep Mudarabah (perkongsian keuntungan). Mudarabah ialah perjanjian di antara Rabbul Mal (Penyedia Dana/anda) dan Mudarib (Pengurus Dana/Bank). Anda menyediakan dana untuk diuruskan oleh Bank melalui UA. Sebarang keuntungan yang diperolehi daripada UA akan dikongsi di antara anda dan Bank mengikut PSR yang telah dipersetujui bersama. Sebarang kerugian akan ditanggung oleh anda melainkan disebabkan oleh salah laku (ta`addi), kecuaian (taqsim) dan/atau pelanggaran terma khusus (mukhalafah al-shurut) Bank.

2

## Ketahui tanggungjawab anda

### Ilustrasi (senario untung)

- Tarikh penempatan: 1 June 2024
- Tarikh Matang: 1 July 2024
- Jumlah Pelaburan RM100,000.00
- Tempoh Pelaburan: 1 bulan
- PSR: 80:20 (Berdasarkan PSR yang telah dipersetujui sebelum atau pada pemulaan pelaburan)
- Kadar kasar :5.00% pada tarikh matang.
- Pengiraan keuntungan yang dibayar kepada IAH  
Kadar Kasar x NKP x Jumlah Pelaburan x tempoh  
 $5.00\% \times 80\% \times RM100,000.00 \times 30/365 = RM328.77$
- Apabila matang IAH akan menerima:  
 $RM100,000.00 + RM328.77 = RM100,328.77$

### Ilustrasi (senario rugi)

- Tarikh penempatan: 1 June 2024
- Tarikh Matang: 1 July 2024
- Jumlah Pelaburan RM100,000.00
- Tempoh Pelaburan: 1 bulan
- PSR: 80:20 (Berdasarkan PSR yang telah dipersetujui sebelum atau pada pemulaan pelaburan)
- Kadar kasar: -0.41% pada tarikh matang.
- Kerugian yang ditanggung oleh IAH: 100%
- Pengiraan: Kerugian yang ditanggung oleh IAH x Kadar Kasar x Jumlah Pelaburan x tempoh  
 $100\% \times -0.41\% \times RM100,000.00 \times 30/365 = RM33.70$
- Apabila matang IAH akan menerima:  
 $RM100,000.00 - RM33.70 = RM99,966.30$

### Yuran dan caj:

Tiada yuran dan caj dikenakan untuk produk ini.

### Adalah tanggungjawab anda untuk:



Baca dan fahami **terma utama** dalam **kontrak** sebelum anda menandatanganinya.

3

## Kemungkinan Hasil

Prestasi lampau:

Tahun Kewangan Berakhir	Pulangan ke atas Aset* (ROA)	Pulangan ke atas Pelaburan*(ROI)
31 Mac 2020	4.58%	2.94%
31 Mac 2021	4.00%	2.00%
31 Mac 2022	4.00%	2.00%
31 Mac 2023	4.71%	2.40%
31 Mac 2024	5.00%	2.54%

\*untuk tempoh 6 bulan

## Ketahui Risiko Anda

### RISIKO

#### • Risiko Pasaran

Kemungkinan bagi anda untuk mengalami kerugian akibat faktor yang mempengaruhi prestasi keseluruhan pasaran kewangan di mana secara tidak langsung mempengaruhi prestasi aset dalaman. Bank akan memantau dan menguruskan pendedahan risiko pasaran menggunakan sistem pengurusan risiko yang sedia ada. Ini membolehkan Bank menguruskan kedudukan dana secara efektif dalam rangka kerja risiko yang diluluskan.

#### • Risiko Kehilangan Modal

Produk ini membawa risiko pengurangan nilai pelaburan asal. Bagi mengurangkan risiko, Bank akan melaburkan dana dalam pelbagai portfolio pembiayaan runcit dan bukan runcit. Selain itu, prosedur kutipan dan pemulihan Bank yang sedia ada dapat membantu mengekalkan kualiti aset pada tahap yang sihat.

#### • Risiko Kecairan

Risiko kecairan ialah risiko di mana Bank berkemungkinan tidak dapat memenuhi tuntutan pengeluaran jangka pendek daripada anda. Bank akan terus menjalankan analisis berdasarkan keseluruhan UA yang terdiri daripada deposit dan sebahagian kecil dana Mudarabah. Berdasarkan sejarah arah aliran aktiviti pengeluaran, Bank akan merangka ujian tekanan dan menentukan langkah peringinan bagi menguruskan risiko kecairan. Aliran tunai yang tidak sepadan dengan pelbagai kematangan akan dianalisis dan dipantau di bawah rangka kerja kecairan seperti yang ditetapkan oleh BNM.

#### • Risiko Kredit

Risiko kredit timbul apabila sejumlah besar aset daripada dana mengalami keingkaran. Bank akan memantau secara teliti prestasi aset terpilih tersebut dan memastikan pelaburan itu sejajar dengan strategi dan objektif dana.

#### • Risiko Pelaburan Tertumpu

Portfolio aset dalaman dipelbagaikan berdasarkan jenis pembiayaan aset runcit dan bukan runcit.

**Peringatan:** Anda perlu memahami dan mengambil kira segala faktor risiko dengan berhati-hati sebelum membuat keputusan pelaburan.

### CIRI OPERASI

**Penempatan:** Anda boleh membuat penempatan pada bila-bila masa melalui kaunter di semua cawangan dengan pilihan untuk memperbaharui penempatan.

**Peruntukan Aset:** Penempatan MTIA-i akan diuruskan dalam dana yang berasingan dan diperuntukan kepada aset yang telah dipersetujui di antara anda dan Bank. Pulangan akan dikira daripada keuntungan pembiayaan tolak peruntukan pada asset pendasar pilihan yang dibiayai oleh MTIA-i.

**Pembukaan Akaun:** Melalui kaunter di mana-mana cawangan Bank.

#### Pengeluaran:

Anda boleh membuat pengeluaran pada bila-bila masa, tertakluk pada terma yang berikut:

- Pengeluaran awal adalah dibenarkan sama ada sebahagian atau secara penuh.
- Untuk pengeluaran dalam 7 hari kalender dari tempoh pelaburan, anda hendaklah bersatu melepaskan hak untuk menerima semua keuntungan yang diperuntukan (jika ada). Untuk pengeluaran selepas 7 hari kalender dari tempoh pelaburan dan sebelum tarikh matang, anda akan menerima 50% daripada keuntungan yang diperuntukan (jika ada).
- Bank boleh, mengikut budi bicaranya, mengubah terma penepian keuntungan yang diperuntukan dari semasa ke semasa.
- Anda dibenarkan untuk membuat sebahagian pengeluaran dari jumlah penempatan.
- Bahagian penempatan yang tidak dikeluarkan akan diteruskan seperti sediakala, manakala bahagian yang dikeluarkan akan tertakluk pada syarat di atas untuk pengeluaran awal.

**Peringatan:** Pencapaian lalu bukanlah indikatif pencapaian masa hadapan.

## Terma Utama Lain

Kaedah penilaian kami adalah selaras dengan amalan industri yang baik dan konsisten dengan Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia ("MFRS"). Bank akan memantau prestasi aset secara bulanan. Pulangan/ kerugian bersih pada MTIA-i akan dipaparkan di cawangan kami dan diterbitkan di laman web kami di [www.ambankislamic.com](http://www.ambankislamic.com) selepas 16hb setiap bulan. Sekiranya terdapat penilaian kemerosotan pada Aset Pelaburan yang tidak cair, penilaian tersebut hendaklah mencerminkan penilaian semasa. Mekanisme yang mencukupi akan disediakan oleh Bank untuk memastikan pengiktirafan dan pengukuran kerugian kemerosotan yang tepat dan adil dalam tempoh ia berlaku.

Jika anda ada sebarang soalan atau memerlukan bantuan tentang MTIA-i kami, anda boleh :



Hubungi kami di  
+603 2178 8888  
(Pusat Panggilan AmBank 7.00pagi  
– 11 malam)



Melawat kami di  
[www.ambankgroup.com](http://www.ambankgroup.com)



Emel kami di  
[customercare@ambankgroup.com](mailto:customercare@ambankgroup.com)



Imbas QR  
kod diatas

### AMARAN

**PULANGAN PADA AKAUN PELABURAN INI AKAN DIPENGARUHI OLEH PRESTASI ASET. PRINSIPAL DAN PULANGAN TIDAK DIJAMIN DAN RISIKO PELABUR TIDAK MENDAPAT PULANGAN LANGSUNG. JIKA PELABURAN DITEBUS AWAL, PELABUR MUNGKIN MENGALAMI KERUGIAN SEBAHAGIAN ATAU KESELURUHAN JUMLAH PELABURAN YANG DIBUAT. AKAUN PELABURAN INI TIDAK DILINDungi OLEH PERBADANAN INSURANS DEPOSIT MALAYSIA (PIDM)**